

19/03/1997

Terengganu wujud pusat sehenti

KUALA TERENGGANU, Selasa - Kerajaan Terengganu sudah mewujudkan pusat sehenti bagi mempercepat permohonan pelabur yang ingin menanam modal di negeri ini.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata melalui pusat berkenaan, tindakan lebih cekap dapat diambil untuk mempercepatkan prosedur bagi meluluskan permohonan pelaburan.

Mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, beliau berkata, banyak syarikat berpuas hati dengan cara demikian kerana dapat mengurangkan masalah.

"Misalnya di Kemaman, beberapa permohonan diselesaikan dalam tempoh kurang daripada tiga minggu," katanya.

Kerajaan negeri juga katanya, menawarkan harga tanah dengan premium yang rendah berbanding di kawasan lain dan bayarannya pula tidak perlu dijelaskan sekali gus.

"Insentif yang diberikan itu selaras kehendak Perdana Menteri yang mahukan permohonan pelaburan dimudahkan dan memberi beberapa insentif lain kepada pelabur," katanya.

Wan Mokhtar berkata, kerajaan negeri juga menyediakan skim bantuan kepada pekerja dengan membayar RM150 sebulan kepada anak tempatan yang diambil bekerja di kilang terbabit selama enam bulan.

Pembiayaan itu katanya, dapat meringankan kos operasi kilang terbabit dalam tempoh enam bulan, manakala anak tempatan mendapat kemahiran yang diperlukan.

(END)